

Selain itu, bagi memudahkan pengguna untuk melaporkan isu-isu sebegini, pihak MCMC telah menyediakan lima (5) saluran aduan, iaitu melalui saluran-saluran berikut:

- *walk-in*
- telefon di talian 1800 188 030
- emel aduanskmm@cmc.gov.my
- laman web <http://aduan.skmm.gov.my>
- WhatsApp di talian 016-220 6262

Dengan pengenalan saluran aduan melalui WhatsApp ini, diharap ia lebih memudahkan lagi untuk para pengguna membuat aduan serta laporan kepada pihak MCMC.

Usaha membanteras gejala perjudian ini akan dijalankan secara berterusan melalui kerjasama pihak MCMC, PDRM dan semua pihak lain yang terlibat, bagi mengelakkan masyarakat terjebak dengan gejala negatif tersebut.